

25 AUG 1999

Mahathir-jawatan

DR MAHATHIR MASIH INGIN JADI PERDANA MENTERI

PUTRAJAYA, 25 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau masih ingin menjadi Perdana Menteri dalam masa terdekat ini.

"Ada keinginan. Masih ingin," katanya kepada soalan seorang pemberita Indonesia pada persidangan berita bersama Perdana Menteri dan Presiden Indonesia B.J.Habibie di akhir perbincangan mereka di sini hari ini.

Kepada satu lagi soalan dari wartawan Indonesia, Dr Mahathir berkata beliau belum membuat keputusan bila akan mengadakan pilihan raya umum.

"Saya akan beritahu apabila masa tiba," katanya.

Dr Mahathir dan Habibie sebelum itu mengadakan pertemuan empat mata diikuti dengan mesyuarat delegasi kerajaan Malaysia dan Indonesia.

Habibie mengetuai rombongan 80 orang dalam lawatan kerja sehari ke Malaysia sebagai susulan kepada pertemuan mereka di Batam Mei lepas.

Dr Mahathir berkata desas-desus mengatakan beliau akan mengadakan pilihan raya selepas kembali dari lawatan ke China baru-baru ini adalah spekulasi semata-mata.

"Semua orang berhak buat spekulasi. Saya balik dari China patut adakan pilihan raya, (bekas Perdana Menteri sebelum ini) Tun Razak balik dari China dia adakan pilihan raya," kata beliau.

Dr Mahathir juga ditanya sama ada mereka berbincang mengenai dokumen kerajaan yang dibawa ke luar negara seperti yang didakwa oleh Ketua Pemuda Keadilan Mohd Ezam Mohd Nor.

Dr Mahathir berkata perkara itu tidak dibincangkan.

"Itu perkara dalaman Malaysia. Kita tidak bincangkan masalah dalaman masing-masing," katanya.

Habibie pula ketika ditanya mengenai laporan mengatakan beliau menyokong dan bersimpati kepada bekas timbalan perdana menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata : "Saya serahkan kepada prosedur di negara ini dan saya berpendapat tidak ada siapa pun yang membelakangkan undang-undang.

"Saya katakan itu begitu bukan untuk diri saya sahaja tetapi juga bagi Perdana Menteri (sambil menoleh kepada Dr Mahathir)."

Habibie berkata beliau tidak tahu mengenai kes Anwar kerana beliau mempunyai banyak tugas di negaranya.

"Saya ke sini bukan untuk tujuan itu tetapi untuk merapatkan hubungan. Saya amat yakin di Malaysia terdapat undang-undang," katanya.

-- BERNAMA

AFY RV MAI